

**Model Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Menengah Harian**  
*Model for Implementation of Co-curricular Management in Daily Secondary Schools*

Noor Azzam Syah bin Mohamed  
Suria Baba  
Email: syah6007@gmail.com

**Abstrak**

*Kajian kes ini bertujuan untuk meneroka pemahaman pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah di kalangan 10 guru yang terlibat sebagai satu kumpulan pengurusan bersama kurikulum di dua buah negeri Kuala Lumpur dan Selangor. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan teori-teori pengurusan Stoner, Freedmen dan Gilbert (1995) dan juga prinsip pengurusan Gulick (1954) dengan perubahan untuk memenuhi keperluan kajian. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif. Data diperoleh daripada temu bual secara mendalam, pemerhatian tidak berturut serta dan analisis dokumen. Pemilihan peserta adalah berdasarkan kaedah persampelan bertujuan, untuk memudahkan pemahaman yang mendalam terhadap pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah harian. Analisis dan pengumpulan data proses dijalankan secara serentak dan berterusan sehingga tepu data telah dicapai. Secara umumnya, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat lapan aspek pengurusan kokurikulum difahami oleh kumpulan pengurus kokurikulum di sekolah untuk mengekalkan kecemerlangan kokurikulum, iaitu merancang, mengelola, memimpin, mengawal, melatih guru, membuat laporan, membuat belanjawan dan menjalankan hubungan dengan masyarakat luar.*

**Kata kunci:** Pengurusan kokurikulum, perancangan, kepimpinan, guru sekolah menengah

**Abstract**

*This case study is designed to explore the understanding of the implementation of co-curricular management at secondary school among 10 teachers who are involved as a group of co-curricular management in two states Kuala Lumpur and Selangor. This study was implemented based on management theories Stoner, Freedmen and Gilbert (1995) and also Gulick's principle of management (1954) with minor alterations to fit the study needs. This qualitative study utilised the constant comparison method for data analysis. Data was obtained from in-depth interviews, direct observation and document analysis. The selection of participants was based on purposive sampling methods, in order to facilitate an in-depth understanding of the phenomenon in question. The analysis and data collection process were conducted simultaneously and continuously until data saturation was achieved. The result of the research showed that all participants have given their opinions about the implementation and also the process of co-curricular management at the secondary school. Generally, this study showed that there are eight aspects of co-curricular management understood by the group of co-curricular management in school to maintain the excellence co-curricular. They are planning, organising, leadership, control, training staff, report, money expenditure and also the relationship with society.*

**Keywords:** Co-curricular management, planning, leadership, secondary school teacher

**Pengenalan**

Kegiatan kokurikulum telah pun diiktiraf sebagai sebahagian proses pendidikan, itu sebahagian daripada kurikulum kebangsaan yang wajib dilaksanakan di sekolah di seluruh negara. Dasar berkaitan pelaksanaan program kokurikulum dan sukan di sekolah bermula melalui penggubalan Peraturan-Peraturan Sekolah 1956. Kegiatan pendidikan di sekolah terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu kurikulum dan kokurikulum (Laporan Razak, 1956). Dalam peraturan ini program kokurikulum dan sukan disebut sebagai kegiatan kumpulan meliputi aktiviti-aktiviti seperti kelab mata pelajaran/gabungan, kegiatan kesusasteraan, olahraga dan permainan serta latihan pemuda. Oleh

yang demikian, program kokurikulum dan sukan adalah saling melengkapi antara kurikulum dan kokurikulum serta bertujuan memperkembang tahap kognitif, afektif dan psikomotor murid bagi mencapai matlamat pendidikan yang terancang dan sempurna (Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1991).

Secara rasminya, kegiatan ini telah diperuntukkan dalam Akta Pelajaran 1961. Peraturan ini telah memperuntukan sejumlah waktu untuk aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dahulunya dikenali sebagai ‘kegiatan kumpulan’ tetapi kemudiannya disebut sebagai *extra curricular*. Menyedari hakikat pentingnya kegiatan ini dalam menyemaikan nilai-nilai positif dan sosial yang seimbang dalam diri murid, para pendidik telah berusaha mengubah pandangan umum dan meletakkannya pada taraf yang sama dengan pendidikan yang lain, program yang sebelum ini dianggap sebagai tambahan (extra), kemudiannya diterima sebagai kokurikulum (Gerko) atau kegiatan luar. Gerak kerja kokurikulum adalah gerak kerja yang bercorak pendidikan dan menyediakan pengalaman pembelajaran dan ianya boleh dijalankan di dalam atau di luar bilik darjah seperti bidang badan beruniform, bidang persatuan dan kelab dan bidang sukan permainan, Ab. Alim Abdul Rahim (1999).

Pengiktirafan ini secara langsung menuntut supaya kegiatan kokurikulum itu dirancang, diurus dan dilaksana secara sistematis, cekap dan berkesan, sebagaimana proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Sebagai usaha seterusnya untuk memenuhi matlamat dan objektif pendidikan melalui kegiatan luar, Laporan Jawatankuasa Dasar Pelajaran tahun 1979 telah menegaskan:

*“...kegiatan kokurikulum sekolah adalah dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu pasukan pakaian seragam, kelab dan persatuan dan sukan. Kegiatan kokurikulum yang dijalankan di luar bilik darjah adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan antara murid-murid, sikap bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam satu-satu bidang yang mereka serta....”*

Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979:91

Penekanan yang seimbang ini akan dapat mewujudkan satu bangsa Malaysia yang harmonis dan seimbang. Berdasarkan sub peraturan 3 (1) dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997. Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum kebangsaan; Kokurikulum adalah aktiviti kependidikan yang perlu dilaksanakan secara terancang dan berkesan seperti juga aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lain. Aktiviti kokurikulum mestilah dilaksanakan seperti aktiviti kurikulum yang merangkumi lima fasa iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan penambahbaikan.

Dengan demikian, walaupun kaedah pelaksanaan aktiviti atau program kokurikulum lebih berorientasikan pendekatan memperoleh ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dengan mengalami atau membuat sendiri (*hands on*) dalam situasi sebenar, namun setiap aktiviti itu perlulah dirancang dan dilaksanakan dengan berlandaskan suatu garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Walaupun program kokurikulum dan sukan diwajibkan, masih terdapat sekolah dan murid yang tidak memberikan keutamaan dan perhatian serius kepada program tersebut. Ini bermakna nilai-nilai murni, kepimpinan, disiplin dan perpaduan tidak dapat diterapkan secara berkesan. Di samping itu, sikap ibu bapa dan masyarakat yang lebih mementingkan pencapaian akademik mengakibatkan aktiviti kokurikulum dan sukan di sekolah tidak berjalan lancar. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk memperkuuh tujuh aspek dalam kokurikulum iaitu: Pemantapan dasar bagi meningkatkan penyertaan murid, guru pelatih, guru, pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan pensyarah kolej matrikulasi;

- Pemantapan kurikulum guru dalam kejurulatihan;
- Pengukuhan struktur organisasi yang terlibat dengan pelaksanaan aktiviti kokurikulum;
- Penyediaan norma khas peruntukan kewangan bagi pelaksanaan aktiviti kokurikulum;

- Penyediaan infrastruktur yang sesuai dan mencukupi bagi semua sekolah, IPG dan kolej matrikulasi;

Oleh itu, sebagai pengurus kurikulum di sekolah perlu memahami pelaksanaan pengurusan kurikulum sekolah supaya dapat meningkatkan kualiti program dan aktiviti yang dianjurkan di sekolah.

### ***Objektif kajian***

Objektif kajian adalah meneroka kefahaman pengurus kurikulum sekolah menengah terhadap pelaksanaan pengurusan kurikulum di sekolah.

### ***Metodologi***

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual, teknik pemerhatian dan semakan dokumen. Kajian ini merupakan kajian kes untuk kaedah kualitatif dalam kajian ini kerana kajian ini bersifat penerokaan penyelidik terhadap kefahaman pelaksanaan pengurusan kurikulum di sekolah menengah harian.

### ***Peserta kajian***

Sasaran kajian adalah guru-guru yang memegang jawatan pengurus kurikulum di sekolah iaitu mereka yang terdiri daripada guru penolong kanan kurikulum, setiausaha kurikulum, penyelaras badan beruniform, penyelaras kelab dan persatuan, penyelaras sukan dan permainan di dua sekolah menengah harian di wilayah persekutuan dan selangor. Responden dipilih secara persempelean bertujuan. Kumpulan peserta kajian ini di namakan sebagai Kumpulan Pelaksana Pengurusan Kokurikulum (KPP Koku).

### ***Instrumen kajian***

Kajian ini menggunakan protokol temu bual untuk memandu pengkaji menjalankan temu bual berdasarkan objektif kajian. Kaedah temu bual adalah kaedah utama dalam pengumpulan data kualitatif (Cresswell 2012). Semasa temubual dijalankan, penemubual telah mengemukakan soalan-soalan secara terbuka kepada peserta kajian untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan menyeluruh (Anderson 1998).

### ***Ujian rintis***


Kajian rintis telah dilaksanakan untuk memastikan kesesuaian dan ketepatan protokol kajian yang dibina berdasarkan kerangka konseptual kajian (Yin 1994). Menurut Yin (1994), kajian rintis amat penting dalam reka bentuk pengumpulan data secara kualitatif yang mana ia boleh menjadi prototaip bagi kajian sebenar. Melalui kajian rintis ini, penyelidik dapat berlatih dan menimba pengalaman mengenai prosedur kajian.

### ***Analisis data***

Dalam kajian yang berbentuk kualitatif tiada cara yang paling baik atau paling betul dalam menganalisis data kualitatif. Proses menganalisis data kajian ini dilakukan serentak dengan proses pengumpulan data (Cresswell, 2012). Menurut Merriam (2009) penyelidik kajian perlu memahami matlamat kajian kes yang dijalankan semasa melakukan proses analisis data.

### ***Keputusan kajian***

Dapatan kajian telah menghasilkan satu model Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum di sekolah menengah seperti yang berikut :



Rajah 1: Model Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum Sekolah Menengah

Hasil analisis data telah menunjukkan bahawa pengurus kurikulum sekolah telah memahami dalam melaksanakan pengurusan kurikulum di sekolah menengah perlu membuat perancangan berkaitan kurikulum terlebih dahulu. Peserta kajian G8 dan G9 telah menyatakan bahawa dalam melaksanakan pengurusan kurikulum perlu kepada perancangan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Perancangan dalam Kokurikulum

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Dokumen	Analisis
S2/G8	“Maknanya kita perlu merancang lebih awal sebelum menjalankan sesuatu program, itu lah pengurusan yang memainkan peranan yang penting.”  TB/S2/G8/RAN	Mesyuarat kurikulum telah diadakan pada awal tahun di S2 adalah membincang semula perancangan yang telah dijadualkan pada akhir tahun.	Minit Mesyuarat telah dirujuk dan menunjukkan semua aktiviti dan program kurikulum telah dirancang di sekolah sebelum sesi baru persekolahan dibuka.	Di S2 menunjukkan bahawa amalan perancangan dalam menguruskan kurikulum adalah perkara awal yang dibuat.
S2/G9	“perlaksanaan koko ni dari segi pengurusan perlu ada pertama sekali mesti ada perancangan lah”.  TB/S2/G9/RAN	PM/S2	DO/S2	

Seterusnya menurut peserta kajian dalam pelaksanaan pengurusan kurikulum juga perlu ada pengelolaan. Ini bertujuan untuk melaksanakan apa yang telah dirancang dalam pengurusan kurikulum dapat disempurnakan seperti yang dilampirkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Pengelolaan dalam Kokurikulum

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G5	“macam saya cakap lah aaa pengelolaan itu selalu kita yang mengelola, kita sebagai guru penasihatlah yang akan mengelolakan lah apa yang telah kita rancangkan ok, jadi kita mengikutlah seperti apa matlamat dan tujuan setiap persatuan, setiap kelab yang dirancangkan itu, maknanya kita mengikut flow apa yang dirancangkan”	Pemerhatian mendapati segala yang dirancangkan seperti mengadakan hari kurikulum di sekolah dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan di dalam perancangan yang dibuat. Aktiviti kurikulum dianjurkan pada setiap hari sabtu untuk badan beruniform dan juga kelab dan persatuan.	Pengelolaan yang dibuat adalah mengikut perancangan yang telah dibuat dengan mengikut matlamat dan tujuan setiap unit kurikulum di sekolah.

TB/S1/G5/LOLA

PM/S1

Semua KPP Koku faham bahawa aspek kepimpinan merupakan salah satu faktor yang perlu ada dalam melaksanakan pengurusan kurikulum. Kepimpinan yang bercirikan seperti menjadi pakar rujuk, sering memberi motivasi dan sokongan serta menunjukkan contoh teladan seperti yang tercatat dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Kepimpinan dalam Kokurikulum

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G1	“Kita perlu ada kepala, seorang pakar rujuk lah so apa aktiviti pun kita perlu ada satu kepala”.	Pemerhatian di S1 semasa menganjurkan sukan sekolah mendapati guru-guru sentiasa berjumpa GPK kurikulum dan juga setiausaha kurikulum untuk bertanyakan berkaitan program dan juga aktiviti yang dijalankan.	Dalam melaksanakan pengurusan kurikulum memerlukan seorang yang boleh dirujuk untuk menjalankan program dan aktiviti kurikulum. Selain itu, pemimpin yang boleh memberikan contoh teladan kepada orang bawahan seperti bekerjasama dengan guru-guru memimpin dan membantu mereka. Sebagai pemimpin perlu seorang yang rajin dan sentiasa memberikan motivasi dan sokongan kepada murid dan guru.
TB/S1/G1/PIM/Rujuk		PM/S1	
S2/G7	“Pihak pengurusan rasanya akan memberikan sokongan yang kuat, sokongan yang padu untuk menjayakan kurikulum”.	Pemerhatian di S1 penyelidik mendapati Pengetua telah turun padang untuk memberikan sokongan, begitu juga GPK kurikulum yang turut membantu perjalanan aktiviti kawad kaki yang dijalankan.	
TB/S2/G7/PIM/Mot			
S1/G5	“Pengurusan yang baik itu juga terletak kepada seorang ketua yang harus tahu apa peranan dia dan dia dalam masa yang sama bekerjasama dan dia bersama-sama dengan kita memimpin dan membantu”.TB/S1/G5/PIM/Tel	PM/S1	

Menurut KPP Koku, pengawalan yang dilaksanakan terdiri daripada pemantauan, menjaga keselamatan, penilaian dan juga penjagaan kemudahan dan stok inventori. Mereka telah bersetuju perkara yang penting dalam mengawal kurikulum adalah membuat pemantauan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Pengawalan dalam Kokurikulum (Pemantauan)

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G1	<p>“yang paling penting tu pemantauan”.</p> <p>TB/S1/G1/WAL/Pantau</p>	<p>Pemerhatian yang dijalankan di S1 pada hari kurikulum setiap hari Sabtu pagi mendapat semasa guru penasihat menjalankan aktiviti penyelaras juga berada di situ. Penyelaras juga mempunyai unit kurikulum mereka namun begitu mereka juga meronda di unit-unit lain. Begitu juga mereka telah sediakan satu buku kehadiran yang mana guru-guru perlu mengisinya sebelum menjalankan aktiviti dengan murid mereka PM/S1</p>	<p>Menurut peserta kajian di S1 dalam pengurusan kurikulum adalah membuat pemantauan yang mana pemantauan dibuat oleh penyelaras, pemantauan dibuat kepada aspek perjumpaan unit kurikulum dan guru mengikut jadual yang telah ditetapkan. Tujuan pemantauan juga adalah untuk penambahbaikan.</p>
S1/G2	<p>“Penyelaras kena ada untuk pantau”</p> <p>TB/S1/G2/WAL/Pantau</p>		
S2/G7	<p>“Memantau apakah yang telah dibuat oleh guru”.</p> <p>TB/S2/G7/WAL/Pantau</p>		

Seterusnya aspek dalam pengawalan adalah keselamatan. Ini perlu diambil tindakan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Pengawalan dalam Kokurikulum (Keselamatan)

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Dokumen	Analisis
S2/G6	<p>“...tindakan yang diambil tu kita boleh pecahkan kepada aspek keselamatan”.</p> <p>TB/S2/G6/WAL/Kes</p>	<p>Pemerhatian yang dibuat di sekolah S1 dan S2 mendapat di sekolah mereka ada menyediakan bilik rawatan sekiranya berlaku kecemasan dan juga <i>first aid</i> disediakan. Begitu juga dengan ahli PBSM sekolah.</p>	<p>Semakan dokumen juga di S1 dan S2 mendapat terdapat surat bagi memohon bantuan daripada klinik kesihatan dan juga badan St John untuk datang semasa sekolah menjalankan aktiviti dan program kurikulum terutamanya hari sukan sekolah.</p>	<p>Aspek keselamatan juga disebutkan juga dalam pengurusan kurikulum.</p>
S2/G9	<p>“...dalam sesuatu aktiviti kurikulum kita juga menitik beratkan aspek keselamatan lah, ok sebab aktiviti kurikulum ni lebih terdedah kepada risiko kecederaan, dalam sukan ada yang patah dan sebagainya”.</p>			<p>Aspek ini sangat dititikberatkan kerana murid mudah terdedah kepada risiko kecederaan dan sering diberikan peringatan kepada guru</p>

TB/S2/G9/WAL/Kes	PM/S1, PM/S2	DO/S1, DO/S2	penasihat dan murid. Pemerhatian di S1 juga mendapatkan aspek ini juga diambil kira dalam pengurusan kurikulum mereka.
------------------	--------------	--------------	---

Selain itu pengawalan daripada aspek penjagaan kemudahan dan stok inventori juga diambil kira dalam melaksanakan pengurusan kurikulum sekolah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6 seperti berikut:

Jadual 6: Pengawalan dalam Kokurikulum (penjagaan kemudahan dan stok inventori)

Peserta Kajian	Temubual	Dokumen	Analisis
S2/G7	“Menjaga stok inventori bilik-bilik unit beruniform”.	Daripada semakan dokumen di S2 mendapat terdapat satu buku log untuk mencatatkan keluar masuk alatan yang digunakan dan dijaga oleh seorang guru yang telah ditetapkan.	Di S2, dalam pengurusan kurikulum perlu menjaga kemudahan seperti alatan-alatan kurikulum dengan mempunyai buku log bagi keluar masuk barang-dan alatan yang dipinjam.

Peserta kajian (KPP Koku) juga berpendapat bahawa latihan staf juga perlu dalam pengurusan kurikulum di sekolah. Mereka menyatakan bahawa guru-guru yang menjadi penasihat dalam bidang kurikulum perlu diberikan kursus tertentu untuk meningkatkan kemahiran mereka. Latihan ini perlu diadakan di sekolah bagi melatih guru-guru di sekolah. kursus diberikan diawal tahun seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7 berikut:

Jadual 7: Latihan Pembangunan Staf

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G1	“setiap awal tahun, kita selalu ada satu latihan dalam perkhidmatan LDP”.	Semasa mesyuarat dijalankan, guru penolong kanan ada menyentuh berkaitan latihan dalam perkhidmatan yang akan dijalankan mengikut perancangan yang telah dibuat di awal tahun.	Latihan staf yang dilaksanakan di sekolah iaitu latihan dalam perkhidmatan seperti kursus pengurusan kurikulum.
S1/G5	“kita akan berikan kursus khas iaitu kursus pengurusan kurikulum”.	PM/S1	Dalam latihan staf juga guru-guru boleh mengambil peluang untuk belajar dengan jurulatih luar yang dibayar oleh pihak
S2/G7	“guru penasihat, guru pemimpin unit beruniform itu sendiri, di mana guru itu sendiri diberi kursus aaa daripada badan induk luar lah”.		

TB/S2/G7/LAT/P20L91	sekolah.
S2/G9 “bagi guru -guru yang tak ada kemahiran pihak sekolah juga menyediakan jurulatih daripada luar. Daripada situ, guru-guru yang tidak berkemahiran dalam satu-satu permainan akan cuba belajar daripada jurulatih yang kita bawa daripada luar” TB/S2/G9/LAT/P42L182	Pemerhatian penyelidik mendapati jurulatih luar yang datang melatih murid dalam masa yang sama juga guru penasihat berada di situ semasa latihan yang dijalankan PM/S2

Dalam pelaksanaan pengurusan kurikulum, pelaporan program dan aktiviti merupakan perkara yang dilaksanakan oleh peserta kajian. Mereka faham bahawa dalam pengurusan kurikulum di sekolah perlu pastikan semua perkara yang dilaksanakan direkodkan seperti yang dicatatkan dalam Jadual 8 berikut:

Jadual 8: Laporan Kokurikulum

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Dokumen	Analisis
S1/G1	“Keeps rekod ni termasuk juga lah laporan aktiviti semua memang ada lah”. TB/S1/G1/LAP	Pemerhatian yang dibuat di S1 mendapati laporan mingguan dibuat oleh murid yang memegang jawatan sebagai setiausaha dalam unit kurikulum masing-masing. Kemudian laporan ini diserahkan kepada penyelaras untuk disemak. Lain-lain laporan disimpan dan diletakkan di dalam pejabat GPK kurikulum. PM/S1	Semakan dokumen yang dibuat di S1 mendapati terdapat laporan mingguan murid. Laporan khas pula dibuat sekiranya murid memasuki pertandingan, laporan tahunan yang telah dibuat oleh guru-guru yang terlibat. DO/S1	Pelaporan perlu dibuat bagi setiap program dan aktiviti kurikulum di sekolah. Laporan yang perlu dibuat seperti laporan mingguan, laporan tahunan, laporan post moterm. Semua laporan perlu ada gambar dan bertulis. Laporan ini bertujuan untuk rekod dan juga dapat memperbaiki mutu program dan aktiviti yang akan dilaksanakan untuk masa akan datang.
S1/G2	“setiap minggu dia orang memang kena buat laporan mingguan”. TB/S1/G2/LAP/Minggu “kemudian hujung tahun aaaa make sure setiap aktiviti yang dia orang buat kena ada laporan tahunan”. TB/S1/G2/LAP/Tahun	Pemerhatian yang dibuat di S1 mendapati laporan mingguan ditulis oleh murid yang menjadi setiausaha bagi unit kurikulum mereka. Semua laporan-laporan yang dibuat disimpan di dalam bilik unit kurikulum. PM/S2		
S2/G10	“Selepas aktiviti dilaksanakan kita kena laksanakan post moterm. melihat kembali kat mana sesuatu program tu dijalankan”. TB/S2/G10/LAP/Post	Pemerhatian yang dibuat di S2 mendapati laporan mingguan ditulis oleh murid yang menjadi setiausaha bagi unit kurikulum mereka. Semua laporan-laporan yang dibuat disimpan di dalam bilik unit kurikulum. PM/S2		

Peserta kajian juga faham bahawa dalam menguruskan kurikulum di sekolah menengah, aspek belanjawan perlu diuruskan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 9 berikut:

Jadual 9: Belanjawan dalam Kokurikulum

Peserta Kajian	Temubual	Dokumen	Analisis
S1/G5	“kita ada dana iaitu dana duit kurikulum dan kita akan aaa menguruskan mengikut keperluan dan kehendak seperti mana yang telah ditetapkan oleh kementerian”.	Semakan dokumen di S1 menunjukkan terdapat peruntukan yang telah diterima dan telah dibelanjakan untuk program-program kurikulum sepanjang tahun 2013.  DO/S1	Di S1, untuk mendapatkan sumber kewangan guru perlu mengisi borang permohonan dan terdapat peruntukan yang perlu diuruskan seperti mana yang ditetapkan oleh KPM
TB/S1/G5/LAN			Di S2, peruntukan kewangan kurikulum telah disediakan oleh Bahagian Kokurikulum KPM bagi badan beruniform dan kelab persatuan.
S2/G6	“dari segi aspek kewangan, bantuan daripada bahagian kurikulum..peruntukan BKK..kalau berkaitan dengan uniform dengan kelab persatuan kita sokong melalui BKK...”.	Semakan dokumen juga menunjukkan terdapat peruntukan yang telah diterima dan telah dibelanjakan untuk program-program kurikulum sepanjang tahun 2013.	DO/S2
TB/S2/G6/LAN			

Dalam melaksanakan pengurusan kurikulum hubungan dengan pihak luar diperlukan bagi membantu pihak sekolah menjayakan sesuatu program kurikulum. Bagi merealisasikannya. Persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) memainkan peranan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 10 berikut:

Jadual 10: Hubungan Masyarakat Luar

Peserta Kajian	Temubual	Pemerhatian	Analisis
S1/G5	“penglibatan parents sangat baik ok, apabila kita tahu sekolah ni nak menyertai pertandingan ramai parent turun bersama-sama, bukan hanya membantu guru yang membimbing, dia pun sama jadi pembimbing”. TB/S1/G5/HUB	Ibu bapa di S1 turun padang dan sama-sama dengan pihak sekolah memberikan sokongan moral kepada murid dan juga membantu dari segi tenaga untuk melaksanakan program makan malam <i>Golden Night</i> . PM/S1	Di S1, peranan ibu bapa sangat penting dalam memberikan sokongan moral dan mereka terlibat sama dengan memberikan bantuan dan membimbing murid di sekolah.
S2/G7	“biasanya cikgu, dia bergabung dengan agensi luar aaa membuat sesuatu program dekat dalam sekolah untuk budaklah.” TB/S2/G7/HUB/Masy/P22L106	Pemerhatian mendapati terdapat pihak seperti bomba menjalankan demonstrasi untuk kadet bomba pada hari Sabtu di sekolah. PM/S2	Di S2, terdapat agensi luar seperti bomba datang mengadakan program di sekolah.

## **Perbincangan**

Hasil analisis data telah menunjukkan bahawa pengurus kurikulum sekolah memahami bahawa pengurusan kurikulum di sekolah menengah perlu membuat perancangan, pengelolaan, kepimpinan dalam kurikulum, pengawalan, mengadakan latihan pembangunan kakitangan, membuat laporan, belanjawan kurikulum dan mengadakan hubungan dengan masyarakat luar bagi membantu aktiviti kurikulum di sekolah. Kajian ini merupakan kajian kes, walau bagaimana pun terdapat beberapa aspek yang timbul daripada pemahaman KPP Koku dalam melaksanakan pengurusan kurikulum di sekolah menengah yang dikaji.

Dapatan kajian ini selari dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Gulick (1954), Stoner, Freeman, Gilbert (1995) dalam sesbuah organisasi perlu ada perancangan yang dibuat. Begitu juga dalam pengurusan kurikulum oleh Jemaah Nazir (1993), Ramlan (2004) dan James dan Charles (2005) menyatakan perancangan perlu dalam pelaksanaan pengurusan kurikulum.

Seterusnya adalah mengelolakan apa yang dirancang yang termasuk membuat pemilihan guru, menubuhkan jawatankuasa dan agihan tugas dan memberi penerangan kepada tugas-tugas yang telah diberikan. Ini juga dinyatakan oleh Gulick (1954), Stoner, Freeman, Gilbert (1995), Jemaah Nazir Persekutuan (1993) Ramlan (2004) dalam menguruskan perlu ada pengelolaan.

Mereka juga menyentuh aspek kepimpinan dalam melaksanakan pengurusan kurikulum di sekolah menengah. Aspek kepimpinan ini juga telah dinyatakan oleh Gulick (1954), Stoner, Freeman, Gilbert (1995), Jemaah Nazir Persekutuan (1993) untuk menguruskan sesbuah organisasi. Bagi Jemaah Nazir (1993) pula dalam menguruskan kurikulum aspek ini perlu ada untuk mempengaruhi guru-guru untuk melaksanakan tugas mereka. Aspek kepimpinan yang dimaksudkan itu adalah mereka mempunyai pemimpin yang boleh menjadi tempat rujukan untuk menganjurkan program dan aktiviti kurikulum di sekolah. Selain itu mereka menyentuh berkaitan dengan pemimpin yang diperlukan untuk menguruskan kurikulum adalah pemimpin yang boleh memberikan motivasi dan sokongan kepada guru mahupun para pelajar. Pemimpin yang dapat menunjukkan kerja melalui teladan kepada guru supaya mereka dapat melakukan perkara yang sama semasa menguruskan kurikulum di sekolah.

Pengurus kurikulum juga berpendapat dalam pengurusan perlu ada pengawalan seperti membuat pemantauan dalam terhadap guru, pelajar dan juga segala aktiviti dan program kurikulum. Selain itu juga perlu menjaga keselamatan dalam menguruskan aktiviti dan program kurikulum sekolah mahupun di dalam ataupun di luar sekolah. Pengawalan ini juga termasuklah menjaga segala kemudahan dan stok inventori berkaitan kurikulum. Dapatan ini adalah selari dengan Jemaah Nazir Persekutuan (1993) yang mana dalam pengawalan aspek yang ditekankan adalah membuat penyeliaan atau pemantauan dan keselamatan. Walau bagaimanapun penyimpanan rekod tidak dinyatakan seperti mana Jemaah Nazir Malaysia (1993) tetapi hasil dapatan ini mendapati bahawa penjagaan kemudahan dan stok inventori kurikulum perlu dibuat oleh pihak pengurusan di sekolah.

Dalam masa yang sama, pengurus kurikulum di sekolah menyatakan bahawa perlu mengadakan latihan pembangunan staf untuk kurikulum di sekolah. Ini telah dinyatakan oleh Gulick (1954) perlu ada pembangunan staf yang melibatkan latihan kepada kakitangan dalam organisasi. Menurut Beckett, Hawken, Jacknowitz (2001) dan Hammond & Reimer (2006) latihan dan pembangunan staf adalah kunci bagi menyediakan staf dengan kemahiran yang diperlukan untuk membantu peserta dalam program kurikulum bagi mencapai hasil yang diingini. Bagi konteks pengurusan kurikulum, mereka menyatakan perlu ada kursus dalam seperti pengurusan kurikulum dan kursus luar seperti kursus yang dianjurkan oleh pejabat pendidikan daerah ataupun kursus yang disediakan oleh badan induk di luar sekolah. Mereka juga menggalakkan guru-guru yang lain boleh belajar dengan guru-guru yang senior dan lebih berpengetahuan serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kurikulum. Selain itu guru juga boleh belajar dengan jurulatih yang telah dipanggil dari luar.

Selain itu, mereka faham bahawa dalam menguruskan kurikulum perlu membuat satu pelaporan berkaitan kurikulum yang mana laporan ini perlu dibuat selepas menyertai satu-satu pertandingan diluar sekolah. Laporan tersebut hendaklah disertakan gambar yang berkaitan dengan program yang dilaksanakan. Ini selari dengan fungsi pengurusan organisasi Gulick (1954) yang perlu kepada pelaporan dan juga KPM (2009) iaitu buku panduan Pengurusan Kokurikulum menyatakan satu laporan tahunan perlu dibuat. Laporan dalam kurikulum dalam konteks kajian ini perlu dibuat setiap minggu dan setiap tahun. Selain itu terdapat juga laporan khas sekiranya sesebuah pasukan menyertai sesuatu pertandingan di luar sekolah dan laporan pasca bedah (*post moterm*) untuk melihat kembali dan memperbaiki mutu pencapaian dalam sesuatu pertandingan yang akan datang.

Pihak pengurusan kurikulum juga menyatakan belanjawan merupakan aspek yang perlu diambil perhatian dalam melaksanakan pengurusan kurikulum di sekolah. Aspek belanjawan ini juga dinyatakan dalam fungsi pengurusan oleh Gulick (1954) dalam organisasi. Dalam aspek belanjawan ini, guru-guru perlu mengisi borang permohonan bagi menggunakan peruntukan kewangan kurikulum di sekolah. Peruntukan ini memang telah disediakan oleh Bahagian Kokurikulum KPM dan ia mesti diuruskan seperti yang telah ditetapkan oleh KPM. Ini telah dinyatakan dalam panduan mengurus kurikulum sekolah yang mana anggaran perbelanjaan perlu dibuat bagi aktiviti serta menentukan peruntukan kewangan yang akan digunakan KPM (2009).

Hubungan sekolah dan pihak luar juga telah dinyatakan oleh pengurus kurikulum sekolah. Jemaah Nazir Persekutuan (1993) menerangkan dalam menguruskan kurikulum di sekolah perlu diberikan perhatian bagi tujuan mendidik murid dalam kurikulum berkaitan perhubungan sekolah dengan masyarakat. Dalam konteks kajian ini, peserta kajian menyatakan bahawa peranan ibu bapa sangat penting untuk memberikan sokongan moral kepada murid serta membimbang mereka bersama-sama guru di sekolah. Selain itu, pihak-pihak luar ada memberikan sumbangan bukan sahaja sumber kewangan malah peluang untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan dan usaha yang diberikan mereka untuk membantu program kurikulum di sekolah. Menurut Little, Wimer & Weiss (2007) Program kurikulum lebih mempamirkan kualiti yang tinggi sekiranya ianya dibangunkan secara berkesan, dilaksanakan dan dapat dikongsikan dan dimanfaatkan dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti keluarga, sekolah dan juga masyarakat setempat.

### **Implikasi kajian**

Meskipun kajian yang dilakukan ini tidak secara menyeluruh dan terperinci. Dapatan kajian ini memberikan implikasi kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan kurikulum di sekolah seperti yang berikut :

- a) Dengan adanya pengurus kurikulum yang dapat memahami pelaksanaan pengurusan kurikulum di sekolah, mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih efisien dan dapat membantu guru-guru melaksanakan tugas mereka dalam menguruskan kurikulum dengan teratur dan berkesan;
- b) Pentadbir di sekolah boleh menilai sendiri amalan yang dilaksanakan dan memperkembangkan lagi pengurusan kurikulum di sekolah dan membuat penambahbaikan sistem yang sedia ada;
- c) Dengan ada kefahaman yang jelas dalam pengurusan kurikulum sekolah dapat melaksanakan sesuatu program dengan lebih berkesan dalam masa yang sama dapat menarik minat murid untuk menyertai sesuatu program kurikulum di sekolah; dan
- d) Pengurus kurikulum sekolah dapat membantu dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul semasa melaksanakan program dan aktiviti kurikulum di sekolah.

### **Cadangan kajian lanjutan**

Kajian ini boleh diteruskan, diperluaskan dan dikembangkan agar ia lebih memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu secara lebih khusus dan menyeluruh. Antara cadangan untuk penyelidikan yang akan datang adalah seperti yang berikut:

- a) Dicadangkan kajian seperti ini dilaksanakan di sekolah rendah bagi melihat apa yang telah difahami oleh pengurus kurikulum di sana;
- b) Dicadangkan agar pengkaji yang akan datang menjalankan kajian ke atas kefahaman guru-guru yang menguruskan kurikulum di sekolah menengah;
- c) Kajian yang akan datang boleh menggunakan sampel yang lebih besar dengan menggunakan hasil dapatan kajian ini ke sekolah-sekolah menengah yang lain; dan
- d) Kajian pengurusan kurikulum perlu dilakukan oleh pengkaji tempatan kerana pengurusan kurikulum dapat membantu memajukan kegiatan kurikulum di sekolah supaya kegiatan kurikulum dapat dilaksanakan secara seimbang dan tidak tertumpu hanya kepada akademik sahaja.

Kesimpulannya, kajian mengenai pengurusan kurikulum sekolah amat bermakna kepada individu dan organisasi di sekolah. Melalui kajian seperti ini setiap individu dan organisasi dapat memahami dengan lebih jelas tentang pengurusan kurikulum. Setiap individu yang terlibat dapat mengenal pasti gaya pengurusan yang boleh diamalkan supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kurikulum seterusnya dapat melaksanakan kegiatan kurikulum yang berkualiti tinggi.

### Rujukan

- Ab. Alim Abdul Rahim (1999). *Pengurusan Kokurikulum dan Badan Beruniform*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Abu Bakar Nordin, (1991). *Kurikulum: Perspektif dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara. Akta Pendidikan 1996.
- Anderson, G. (1998). *Fundamental of Education Research*. Pennsylvania: Routledge Falmer.
- Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum (BSSK), KPM (2009). *Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: A.G Grafik, Sdn. Bhd.
- Beckett, M., Hawken, A., & Jacknowitz, A. (2001). *Accountability for after school care: Devising standards and measuring adherence to them*. Rand Corporation.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and qualitative Research*. Pearson.
- Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad (2012). Analisis Kepentingan-Kejayaan Pengurusan Kokurikulum. *Management Research Journal*. (2) 75-85.
- Hammond, C., & Reimer, M.S. (2006). *Essential elements of quality after-school programs*. Clemson, SC: National Dropout Prevention Center/Network. Retrieved December 20, 2012, from [http://www.portlandchildrenslevy.com/rfi\\_archives/National-Drop-Out-Prevention-Study.Best-Practices-for-Quality-After-School-Programs.pdf](http://www.portlandchildrenslevy.com/rfi_archives/National-Drop-Out-Prevention-Study.Best-Practices-for-Quality-After-School-Programs.pdf)
- Jamalullail Abdul Wahab, Azhar A. Kadir (2008). Kajian Faktor-Faktor Keberkesanan Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum Daripada Persepsi Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 18 (1) : 21-36.
- James, J., & Charles, E. (2005). Enhancing the Quality of After-School Programs Through Effective Program Management. *Journal of Physical Education, Recreatuion and Dance*. 76 (8) 5-15.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1993). *Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. (bab 2)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Laporan Bahagian sekolah, 1991.
- Luther Gulick (1954). *The Theory of Organization*. Papers of Science Of Administration. Polygraphic Company of America: New York.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979. *Mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Little Priscilla M.D., Christopher Wimer, & Heather B. Weiss (2007). After School Programs in the 21st Century: Their Potential and What It Takes to Achieve It. An Issues and Opportunities in Out-of-School Time Evaluation Research Brief From Harvard Family Research Project. Harvard Graduated School of Education.

- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A guide to Design and Implementation*. USA: Jessey-Bass.
- Ramlan Abd Wahab 2004. *Panduan Pengurusan Kokurikulum di Sekolah*. Kuala Lumpur: Banter Sdn Bhd.
- Yin, R.K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. Beverly Hills: Sage Publications.